

PERBANDINGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR CSC128 BAGI TIGA SEMESTER SEPANJANG SESI ONLINE DISTANCE LEARNING (ODL) BERLANGSUNG

ROSNANI BINTI ABDULLAH

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK, UTM KAMPUS SEREMBAN

Dalam pelan pengajian CS112 (Diploma Sains Aktuari) kursus CSC128 (Asas Penyelesaian Masalah Berkomputer) ditawarkan kepada pelajar-pelajar semester dua. Kursus ini adalah sebuah kursus berkaitan penyelesaian masalah menggunakan langkah dalam pembangunan program. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat menyelesaikan masalah dengan menulis program menggunakan pengaturcaraan C++.

Di akhir pembelajaran kursus ini terdapat tiga objektif yang perlu dicapai oleh para pelajar:

1. Mengenalpasti langkah-langkah yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah menggunakan pendekatan yang sistematik.
2. Pelajar-pelajar boleh menulis program menggunakan pendekatan berstruktur dan modular.
3. Dalam menyelesaikan masalah, pelajar boleh menggunakan struktur kawalan pengaturcaraan seperti pilihan, gelung dan fungsi. Dengan kata lain, pelajar boleh menggunakan pengaturcaraan C++.

Pengambilan pelajar bagi program CS112 adalah sekali dalam masa satu tahun. Perbandingan keputusan akhir ini melibatkan tiga semester sepanjang sesi ODL berlangsung. Jadual 1 di bawah menunjukkan keputusan untuk tiga semester yang terlibat.

Jadual 1: Peratus kelulusan dan kegagalan peperiksaan akhir program CSC128 untuk tiga semester

SEMESTER	KUMPULAN	BIL PELAJAR	% KELULUSAN	% KEGAGALAN
Mac – Ogos 20	CS1122B	22	100%	0%
	CS1122C	21	95.2%	4.8% (seorang)
Mac – Ogos 21	CS1122D	27	100%	0%
Mac – Ogos 22	CS1122C	23	95.7%	4.3% (seorang)

Kebanyakan pelajar berandaian bahawa kursus pengaturcaraan ini adalah sukar. Secara keseluruhan, didapati bahawa kumpulan pelajar-pelajar ini dapat menguasai kursus CSC128 walaupun semasa sesi pembelajaran dalam talian. Hasil daripada keputusan ini membuktikan bahawa kursus pengaturcaraan boleh dijalankan secara atas talian walaupun andaian awal yang dibuat adalah sebaliknya.

Kesimpulannya, proses pengajaran dan pembelajaran subjek pengaturcaraan adalah lebih mudah dan cepat sekiranya dijalankan secara atas talian. Pensyarah boleh menunjukkan banyak contoh program dan pelajar juga boleh berkongsi program yang dibuat dengan rakan-rakan dan pensyarah semasa sesi perjumpaan secara bersemuka (real time).